

20 APR 2001

Mahathir-Saham (Bergambar)

PERDANA MENTERI LANCAR AMANAH SAHAM DIDIK

KOTA BAHARU, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Amanah Saham Didik (ASD), skim terbaru yang diperkenalkan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

ASD yang merupakan saham amanah ketujuh anjuran PNB, dibuka kepada Bumiputera yang berusia 18 tahun ke atas yang melabur bagi diri sendiri dan ibu bapa atau penjaga yang sah berumur tidak kurang daripada 18 tahun, yang melabur bagi kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 17 tahun.

Perdana Menteri melancarkan ASD itu sempena perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

ASD yang mempunyai saiz dana 300 juta unit itu menawarkan harga seunit saham sebanyak RM1 dengan pelaburan maksimum 100,000 unit.

Saham-saham amanah lain yang dianjurkan PNB setakat ini ialah Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Harta Tanah PNB (AHP), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

Perdana menteri dalam ucapannya berkata ASD bertujuan membantu ibu bapa menyimpan wang untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka pada masa depan.

Beliau berkata itulah tujuan pelancaran ASD walaupun ramai yang berpendapat yuran belajar anak Bumiputera perlu ditanggung oleh kerajaan tanpa apa-apa syarat.

"Walaupun dapat kita tanggung bayaran yuran ini, tidak dapat tidak anak-anak kita perlu kepada sumber kewangan daripada ibu bapa juga, sebab itu apabila kita melabur dalam Amanah Saham Didik ini, kita harap duit ini dapat digunakan untuk membantu anak, sama ada (mereka) dapat atau tidak biasiswa," katanya.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa tabiat menabung untuk masa depan adalah tabiat yang amat baik, yang harus lakukan bukan kerana disuruh, tetapi dilakukan kerana ianya membawa kebaikan.

"Saya yakin Amanah Saham Didik ini akan mendapat sambutan yang baik dari rakyat kerana saham amanah bukan sahaja untuk menabung tetapi kita juga akan dapat keuntungan daripadanya," katanya.

Perdana Menteri juga berbangga dengan PNB, badan yang dipertanggungjawabkan mengurus saham-saham amanah bagi golongan Bumiputera, yang berjaya mengumpul sebanyak RM37 bilion hasil pelaburan daripada Bumiputera dan menguruskannya dengan baik.

PNB juga berjaya mengeluarkan dividen kira-kira RM31 bilion, katanya.

Dr Mahathir berharap rakyat akan terus menyokong pelaksanaan skim-skim amanah anjuran PNB itu yang kini disertai lebih tujuh juta rakyat Bumiputera.

Ini bermakna Dasar Ekonomi Baru (DEB) memberi manfaat bukan kepada segelintir kroni kerajaan seperti yang didakwa, tetapi memberi kekayaan pemilikan saham dalam syarikat-syarikat gergasi kepada lebih daripada tujuh juta rakyat Bumiputera daripada sejumlah 12 juta Bumiputera di negara ini, katanya.

"... baki yang tidak melabur terdiri daripada kanak-kanak dan orang yang sudah tua yang tidak lagi berminat atau tidak boleh melabur tetapi bagi orang dewasa, hampir semua daripada mereka mempunyai saham dalam syarikat gergasi melalui PNB," jelas beliau.

Dr Mahathir kesal dengan sikap sebilangan Bumiputera yang tidak memanfaatkan sepenuhnya saham-saham yang ditawarkan kepada mereka kerana ada yang sanggup menjualnya kepada pihak lain.

Sekiranya sikap itu berterusan adalah sukar bagi golongan Bumiputera untuk maju setaraf dengan kaum lain, katanya.

Beliau menegaskan bahawa DEB yang bertujuan membolehkan perseimbangan bilangan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam memiliki syarikat-syarikat besar, telah berjaya menambah bilangan Bumiputera yang terlibat dalam perniagaan dan perusahaan di peringkat tertinggi.

"Jika tidak Bumiputera akan terlibat memiliki saham sebagai sleeping partner atau memiliki saham secara kecil-kecilan dan tidak berperanan dalam pengurusan syarikat dengan itu mereka akan berterusan tidak tahu menguruskan syarikat-syarikat gergasi.

"... memanglah orang asing tidak senang hati dengan DEB dan tidak senang dengan kegiatan PNB yang menjadi pilihan untuk memiliki saham-saham terutama semasa kita mengadakan penswastan," katanya.

Perdana menteri berkata di negara-negara lain telah didapati apabila penswastan berlaku, maka kerajaan negara berkenaan menjual aset dan syarikat kerajaan kepada orang asing dengan tujuan untuk mengutip tukaran wang asing bagi membayar hutang kerajaan.

"Di Malaysia apabila kita menswastakan sesuatu aset kerajaan, kita tidak menjual kepada orang asing, kita tidak perlu menjual kepada orang asing kerana kita tidak punya hutang mesti dibayar hasil daripada penjualan itu," katanya.

Lantaran kerajaan turut menggunakan proses penswastan itu untuk mencapai sebahagian daripada matlamat DEB.

"Dengan menjual saham kepada individu yang berkebolehan, maka dapatlah mereka memiliki syarikat gergasi dengan serentak, jika tidak mereka terpaksa menunggu bertahun-tahun sebelum mereka dapat memiliki syarikat besar," katanya.

Hadir sama pada majlis perasmian MSAM 2001 itu ialah Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Perdana Menteri yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut meluangkan masa mengunjungi pameran MSAM 2001 yang berlangsung mulai hari ini hingga 24 April, anjuran PNB dan Persekutuan Pengurus-Pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM).

-- BERNAMA

BD RON